

# **KEPELBAGAIAN PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI MALAYSIA**

*(Diversity of Community Religious School Management in Malaysia)*

Nor Raudah Hj Siren,\* Ilhaamie Abdul Ghani Azmi,\*\* Siti Jamiaah Binti Abdul Jalil\*\*\* & Azrin Ab Majid\*\*\*\*

## **Abstrak**

Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan antara institusi pendidikan Islam yang berperanan terhadap pembangunan insan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pertumbuhan SAR yang semakin pesat berkembang di seluruh negeri menunjukkan institusi ini mendapat sambutan yang baik dan menjadi keperluan kepada pendidikan Islam di negara ini. Namun, berlaku kepelbagaian dalam pengurusan SAR di setiap negeri, sehingga berlaku ketidakseimbangan pembangunan SAR di Malaysia. Terdapat SAR yang maju dan terdapat SAR yang dhaif (mundur). Oleh itu, kajian ini akan mengupas latar belakang SAR, kedudukan SAR dalam Undang-undang di Malaysia dan bagaimana pengurusan SAR dilaksanakan mengikut negeri-negeri. Metodologi yang digunakan bagi mendapat maklumat tersebut adalah melalui dokumentasi dan secara temu bual dengan organisasi di peringkat persekutuan dan kerajaan negeri yang terlibat dengan pengurusan SAR dan pentadbir sekolah. Hasil kajian mendapati, SAR merupakan institusi pendidikan yang berasaskan kurikulum dinniyah yang diuruskan sepenuhnya oleh Jemaah Pengelola Sekolah dan ia bersifat persendirian atau swasta. Struktur pengurusan SAR pula berbeza mengikut negeri, ada yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, badan-badan NGO dan Yayasan Islam Negeri.

**Kata Kunci:** Sekolah Agama Rakyat, Enakmen sekolah agama, pengurusan sekolah agama, Malaysia

## **Abstract**

*Community Religious School or well known as SAR is one of the Islamic education institutions that functions in developing human capital in Malaysia. The rapid growth of SAR in each state in Malaysia indicates that this institution has obtained good acceptance from the public and it is actually a necessity for Islamic education in this country. However, there is diversification of SAR management in each state that results in imbalance of the growth of SAR in this country. There have been advancing and declining of SARs in Malaysia. Thus, this research will review the background of SAR, its place in Malaysian law and how SAR is managed in each state. The methodology that is used in collecting the data is through documentation and interview with the concerned organizations at federal and state level that are involved with SAR management and interview the manager or leader (mudir) of SAR. Research has found that SAR is an institution that is based on religious syllabus that is fully managed by the Council of School Affairs and it is private. The structure of SAR management is different according to each state, either it is handled by State Department of Islamic Affairs, State Islamic Religious Council, NGOs and Islamic Foundation.*

**Keywords:** *Community Religious School, Religious School enactment, Religious School Management, Malaysia*

## **Pengenalan**

Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah lama bertapak di Tanah Melayu. Institusi ini bermula dengan institusi pondok yang diusahakan oleh tuan-tuan guru dengan bantuan masyarakat tempatan. Menurut Faisal dan Noorzahidah (2013) ramai tokoh-tokoh ulama nusantara terutama di Kelantan telah membuka institusi pondok atau sekolah agama dan telah menuju ke zaman gemilangnya pada awal abad ke 20 Masehi.<sup>1</sup> Sehingga ke hari ini, sekolah-sekolah ini terus berkembang mengikut arus perdana dan diurus oleh komuniti atau jawatankuasa tertentu bagi pihak masyarakat atau diwarisi oleh keturunan pengasasnya. Sekolah ini dibiayai hasil sokongan rakyat,

\* Nor Raudah Hj Siren (Ph. D) (corresponding author), merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Email: raudah68@um.edu.my.

\*\* Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (Ph.D), merupakan Profesor Madya, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Email: amieazmi@um.edu.my.

\*\*\* Siti Jamiaah Binti Abdul Jalil (Ph.D), merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: sitijamiaah@gmail.com.

\*\*\*\* Azrin Ab Majid, merupakan calon ijazah tinggi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Email: azrin\_am@yahoo.com.

<sup>1</sup> Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid dan Noorzahidah binti Mohd Zain, (2013), Ustaz Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah: Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Kelantan. *Jurnal Al-Tamaddun* Bil 8(2), h. 103.

bantuan zakat dan yuran pelajar yang amat minimum.<sup>2</sup> Institusi ini terus berkembang dan permintaan terhadap SAR semakin meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia berdasarkan penambahan jumlah SAR dan jumlah murid di setiap negeri. Permintaan yang meningkat ini adalah kerana kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi ini terutama sumbangannya bukan sahaja dari sudut akademik malah yang utama ialah dari aspek kerohanian dan sahsiah. Menurut Noor Aisha Abdul Rahman (2018), “*It is reflected in the unquestioning acceptance of religious beliefs and tradition formulated by savant of the past, transmitted through generations*”.<sup>3</sup> Perkembangan yang memberangsangkan berkaitan dengan penubuhan SAR ini telah membuka mata banyak pihak untuk memastikan SAR berkembang seiring dengan institusi pendidikan yang lain. Usaha ini bukan sahaja dilakukan oleh pihak kerajaan sahaja malah pihak swasta dan badan bukan kerajaan juga turut terlibat. Oleh sebab banyak pihak terlibat, maka berlaku pertembungan kuasa antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, seterusnya menyebabkan ketidakseimbangan dan ketidakseragaman pengurusan SAR di setiap negeri.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun, secara umumnya, SAR berada di bawah kawalan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) berdasarkan Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Negeri yang mengatakan sekolah-sekolah yang mengajar mata pelajaran agama hendaklah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri.<sup>5</sup>

### Kedudukan Sekolah Agama Rakyat Menurut Undang-Undang Malaysia

Tiada undang-undang khusus yang meletakkan kedudukan sekolah agama rakyat di Malaysia. Namun hak umat Islam untuk mendapatkan pendidikan Islam boleh dilihat berdasarkan peruntukan perundangan yang kuat dan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1) yang memperuntukkan bahawa *Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan: tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan*.<sup>6</sup> Melalui perkara 12(3) pula menyatakan bahawa *tiada sesiapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain, selain daripada agamanya sendiri*.

Hak umat Islam dalam memperolehi pendidikan Islam juga telah diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu Seksyen 50. (1) jika di dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 51. (b) tiada murid boleh mengikuti pengajaran agama selain daripada agama yang dianutnya, kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapanya manakala Seksyen 52 mengatakan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan batasan yang difikirkan oleh Menteri patut dikenakan, bantuan kewangan secara sumbangan boleh diberikan daripada wang yang diperuntukkan oleh Parlimen kepada sesuatu institusi pendidikan Islam yang tidak disenggarakan oleh Menteri di bawah Akta ini atau oleh Kerajaan sesuatu Negeri dan yang adalah institusi pendidikan mengikut pengertian Akta ini atau bukan institusi pendidikan sedemikian hanya kerana pengajaran di institusi itu adalah terbatas kepada pengajaran agama Islam semata-semata.<sup>7</sup>

Mengikut Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 3(2) juga mengatakan bahawa Pendidikan Islam dilihat dari sudut sejarahnya, diletakkan dalam hal ehwal agama Islam iaitu di bawah kuasa Raja-raja Melayu dan kuasa negeri-negeri;

*“Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisyiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak,*

<sup>2</sup> Abu Bakar Chik, (2011), Membangun Gagasan Baru Pendidikan Islam Malaysia. Dalam Azrin Ab Majid (ed.) *Pendidikan Islam Malaysia: Membangun gagasan Baru*, Edisi 2. Selangor: Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, h. 6.

<sup>3</sup> Noor Aisha Abdul Rahman, (2018), Challenges to Madrasah Education in Contemporary Muslim Societies. In Mukhlis Abu Bakar (ed.) *Rethinking Madrasah Education in a Globalised World*. New York: Routledge, h. 12.

<sup>4</sup> Azizi Umar, (2011), Sekolah Agama Rakyat (SAR) dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan: Realiti, Cabaran dan Masa Depan. Azrin Ab Majid (ed.). *Pendidikan Islam Malaysia: Membangun gagasan Baru*, Edisi 2. Selangor: Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, h. 133- 135.

<sup>5</sup> Seksyen 12 (2), Negeri Sembilan, Enakmen 6 Tahun 1996, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996, Bahagian Iv - Pendaftaran Sekolah Islam, bertarikh 12 November 1998. Rujuk dalam [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/9ed14112d7d26bd348257031002827c37?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/9ed14112d7d26bd348257031002827c37?OpenDocument), diakses pada 30 Mac 2018, juga boleh rujuk Seksyen 12 (2) Negeri Selangor, Enakmen 2 Tahun 1988, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988.

Bahagian Iv - Pendaftaran Sekolah Islam, bertarikh 7 Julai 1988, rujuk dalam [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/b8283aed166fdcc448257029000282d74?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/b8283aed166fdcc448257029000282d74?OpenDocument)

<sup>6</sup> Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), (2011), Peraturan-peraturan & Kaedah-kaedah Terpilih (hingga 1 Mac 2011), Petaling Jaya: International Law Book Services.

<sup>7</sup> Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Hal 28 – 29, dalam <http://www.polisas.edu.my/portal/images/stories/Mqa/Akta550.pdf> diakses pada 29 Mac 2018.

*keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Ugama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifat-sifatnya sebagai Ketua Ugama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.”<sup>8</sup>*

Oleh kerana kuasa terhadap agama Islam berada dalam kuasa kerajaan negeri, maka pihak berkuasa agama negeri melalui badan perundangan negeri telah menggubal enakmen yang berkaitan dengan Pendidikan Islam. Secara amnya, dalam Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Negeri telah memperuntukkan bahawa sekolah-sekolah yang mengajar mata pelajaran agama hendaklah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri. Walau bagaimanapun, perhubungan kuasa antara persekutuan dan negeri-negeri yang melibatkan polisi pendidikan terutama menyediakan pendidikan agama Islam kepada rakyat ditegaskan melalui Akta Pendidikan 1996 di bawah Seksyen 50 sebagaimana disebut sebelum ini dan perkara yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 12(2);

*“Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggara Institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam ugama kumpulan itu sendiri, dan tidaklah boleh ada perbezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam ugama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlukan bagi maksud itu.”<sup>9</sup>*

Lantaran itu, kerajaan pusat harus memikul tanggungjawab untuk memajukan dan membangunkan institusi pendidikan Islam di negara ini demi kepentingan pendidikan anak-anak, selaras dengan undang-undang perlembagaan negara.

## **Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia**

Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia diurus berdasarkan konsep yang diterjemah mengikut negeri masing-masing. Hal ini kerana kedudukannya di bawah kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kerajaan persekutuan tetap memainkan peranan bagi menjaga kemaslahatan SAR dalam memperkasakan sekolah agama di Malaysia. Pelbagai definisi diberikan oleh pihak yang berkaitan bagi menjelaskan ciri-ciri SAR. Menurut Ahmad Kilani Sekolah Agama Rakyat (SAR) ialah Sekolah Agama dan Arab yang dikendalikan oleh rakyat dari segi pentadbiran, kewangan, perguruan, sukan dan lain-lain lagi<sup>10</sup> manakala, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengkategorikan SAR berdasarkan jenis sekolah-sekolah agama yang terdapat di Malaysia. Menurut Shamsul Shah (2013), sekolah agama rakyat (SAR) ialah institusi pendidikan agama yang ditubuh oleh masyarakat setempat atau individu dan didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Agama dan ditadbir sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Kedudukannya berbeza dengan sekolah agama swasta kerana sekolah agama swasta (SAS) ialah institusi pendidikan agama yang ditubuh oleh syarikat atau organisasi dan didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Agama dan di bawah Akta Pendidikan, dan ditadbir sepenuhnya oleh LPS yang dilantik oleh syarikat atau organisasi berkaitan.<sup>11</sup>

Bagi setiap negeri pula, terdapat perbezaan mendefinisikan sekolah agama rakyat atau menentukan ciri-ciri SAR mengikut negeri malah mengikut agensi-agensi yang berkaitan. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mentafsirkan sekolah agama yang berada selain di bawah pengurusan dan pentadbiran JAIS disebut sekolah agama swasta, iaitu sekolah persendirian atau ditubuhkan oleh organisasi seperti ABIM, JIM dan HALUAN dan SAR yang ada adalah SAR KAFA sahaja<sup>12</sup> begitu juga di Johor<sup>13</sup>, Terengganu<sup>14</sup> dan Negeri Sembilan.<sup>15</sup> Di Kedah pula, HESA telah menyenaraikan pondok umumi sebagai sebahagian daripada SAR juga<sup>16</sup> manakala di Perak,

<sup>8</sup>Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan, Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 164/2009, hal. 20 dalam <http://www.kptg.gov.my/sites/default/files/article/perlembagaanperseku.pdf> diakses pada 30 Mac 2018.

<sup>9</sup> Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 164/2009, h. 28.

<sup>10</sup> Ahmad Kilani, *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraiyan Menurut Perspektif Islam*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2010, hal. 5.

<sup>11</sup> Shamsul Shah Bin Tarjo, *Ketua Sektor Kemajuan Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia*. KPM, Cyberjaya, Temubual pada 9 September 2013.

<sup>12</sup>Dr Mohd Kamal, B. Radiman, Penolong Pengarah Kanan, Unit Perhubungan, KAFA Integrasi dan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam Selangor, Temubual pada 18 September 2014.

<sup>13</sup> Tuan Hj Suliman B Haji Dumang, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Johor, temubual pada 15 April 2014.

<sup>14</sup> Ustaz Suhairulmizam bin Ghazali, Ketua Unit Bahasa Arab, Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu, Temubual pada 26 September 2013.

<sup>15</sup> Encik Mohammad Bin Alias, Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan, temubual pada 26 Februari 2014.

<sup>16</sup> Mohamad Bin Ismail, Timbalan Pengerusi, Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA), Temubual pada 6 Julai 2013.

semua sekolah agama swasta (SAS) adalah SAR.<sup>17</sup> Kesan daripada perbezaan pendefinisan dan penetapan ciri-ciri SAR tersebut maka berlaku kerumitan dalam menyelaraskan pengurusan SAR di Malaysia terutama berkaitan pengagihan peruntukan atau bantuan daripada pihak kerajaan pusat. Hal ini kerana segala maklumat mengenai SAR diperolehi melalui Jabatan Agama Islam Negeri, berdasarkan enakmen pengawalan sekolah-sekolah agama Islam negeri.

### 1. Pengurusan SAR oleh Kerajaan Persekutuan

Dua badan utama yang menjaga hal ehwal SAR di peringkat persekutuan ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

#### a) Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM)

Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab menjaga dan membangunkan hal ehwal agama Islam di Malaysia turut terlibat dalam menjaga hal-hal berkaitan pembangunan SAR yang diletakkan di bawah Bahagian Kemajuan Islam. Menurut Azizan (2013), Bahagian Kemajuan Islam sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam dan Urusetia LEPAI<sup>18</sup>. Ia ditubuhkan oleh Majlis Raja-raja pada Mesyuarat Majlis Kali ke 126 pada 24 Februari 1983. Antara fungsi bahagian ini yang berkaitan SAR ialah,

- i. meningkatkan kualiti pendidikan dari aspek latihan, pengajaran dan pembelajaran (P&P) Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) dan Sekolah-sekolah Agama Negeri dan Rakyat melalui penyelarasan yang berkesan,
- ii. Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran KAFA dan Sekolah-sekolah Agama Negeri dan Rakyat seluruh negara,
- iii. Menyedia dan menyelaraskan Kurikulum dan Kokurikulum KAFA dan Sekolah Agama Negeri dan Rakyat,
- iv. Mengendalikan peperiksaan, penilaian dan pengiktirafan bagi pendidikan KAFA dan Sekolah Agama Negeri dan Rakyat,
- v. Menyedia dan menyelaraskan buku sumber KAFA dan Sekolah Agama Negeri dan Rakyat,
- vi. Menyelaras Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam seluruh Negara, dan
- vii. Melaksana tugas-tugas keurusetiaan LEPAI.

Modus operandi Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) adalah sebagai lembaga yang berfungsi untuk menyelaras pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat di seluruh negara. Ini meliputi fungsi LEPAI dalam menyalurkan bantuan, pemberian serta subsidi dan mengadakan latihan perguruan bagi guru-guru agama yang mengajar di sekolah-sekolah tersebut. Di samping membuat kajian-kajian atau syor yang perlu, LEPAI turut memberi perkhidmatan nasihat kepada Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri mengenai berbagai aspek pelajaran dan pendidikan Islam bagi sekolah-sekolah tersebut. Semua ini dilakukan bersesuaian dengan tanggungjawab LEPAI untuk meninggikan mutu pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah berkaitan.<sup>19</sup>

#### b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Menurut Shamsul Shah (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula telah menubuhkan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) bagi memperkasakan Pendidikan Islam, bahasa Arab, Institusi pendidikan Agama dan Dakwah. Salah satu fungsi utama BPI yang berkaitan dengan SAR adalah merancang, menyelaras, mengurus dan menilai bantuan perolehan program Pendidikan Islam dan bantuan Kewangan kepada SAR dan SAR KAFA.<sup>20</sup>

Pada mulanya, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dikenali sebagai Unit Pelajaran Agama Islam. Pada peringkat awalnya, unit ini menguruskan bantuan kepada SAR dan pengurusan guru-guru agama yang baru. Pada tahun 1973, Unit Pelajaran Agama Islam dinaiktaraf menjadi Bahagian Pelajaran Agama dengan diketuai oleh seorang pengarah. Kemudian, nama Bahagian Pelajaran Agama ditukar kepada BPI pada tahun 1983 sehingga 1995. Seterusnya, BPI dinaik taraf kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan menambah bidang tugasannya iaitu bagi mengendalikan mata pelajaran moral. Namun, apabila berlakunya penstrukturkan semula KPM, JAPIM ditukar kembali kepada Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan diletakkan di bawah Sektor Operasi Pendidikan.<sup>21</sup>

<sup>17</sup> Agus Lokman Bin Sulam, Setiausaha, Pertubuhan Pendokong Sekolah Agama Rakyat.. Temubual pada 10 September 2013

<sup>18</sup> Azizan Muhammad. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Temubual pada 9 September 2013.

<sup>19</sup> Perkara 3 (a)- (f) Fungsi Lembaga, *Peraturan Lepai*, Dokumen Sulit Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia, bertarikh 16 Mac 1983, h. 2- 3.

<sup>20</sup> Syamsul Shah Bin Tarjo, Temubual pada 9 September 2013. Rujuk juga dalam Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia (BPI) : [www.bpi.edu.my/index.php/info-bpi/fungsi-utama?tmpl=component&print=1&page](http://www.bpi.edu.my/index.php/info-bpi/fungsi-utama?tmpl=component&print=1&page) (24/09/2013).

<sup>21</sup> Syamsul Shah Bin Tarjo, Temubual pada 9 September 2013.

Di bawah KPM, telah banyak SAR diambil alih menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Usaha ini merupakan antara cara atau kaedah untuk memperkasakan SAR agar setanding dengan sekolah perdana di bawah KPM. Namun tidak semua SAR bersetuju untuk bernaung di bawah KPM kerana sebab-sebab tertentu. Menurut Abu Bakar Abdullah,<sup>22</sup> “*pengambilalihan sekolah menjadi sekolah bantuan kerajaan akan mengganggu pembelajaran kurikulum kita, menyekat kebebasan kita untuk menyampaikan ilmu...*” Begitu juga halnya dengan Tuan Haji Azamuddin Alang<sup>23</sup> yang tidak bersetuju pengambilalihan SAR kepada KPM sebagai SABK. Menurutnya, “*saya tidak setuju kerana menyerahkan sekolah kepada KPM seperti memberi rumah kepada orang lain*”. Lantaran itu, SAR masih terdapat SAR yang masih beroperasi mempertahankan kedudukan mereka sebagai sekolah yang ditadbir oleh komuniti mereka yang terdiri dari Lembaga Pengelola Sekolah atau Jemaah Pentadbir Sekolah.

## **2. Pengurusan SAR oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri**

Di Malaysia, negeri-negeri yang memiliki SAR diurus tadbir oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri masing-masing, di bawah pengurusan JAIN dan MAIN yang memperuntukkan kuasa sultan sebagai ketua agama. Bagi negeri-negeri yang tidak memiliki sultan, ketua agama negeri pula ialah Yang Dipertuan Agong.

### **Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)**

Berdasarkan Enakmen Pengawalan Sekolah Agama, setiap sekolah agama perlu didaftarkan di bawah JAIN. Proses pendaftaran dilakukan adalah bertujuan untuk memudahkan pemantauan oleh pihak pengguna JAIN terhadap kurikulum sekolah agama agar tidak terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar. Melalui pendaftaran ini, pihak JAIN memperolehi data SAR dan dapat mengenalpasti sekolah-sekolah agama yang terdapat di dalam negeri. Hal ini akan membantu memudahkan urusan pengagihan bantuan yang diperuntukan sama ada oleh kerajaan negeri atau kerajaan pusat. Malah, sekolah yang memerlukan bantuan zakat juga perlu berdaftar dengan JAIN. Oleh itu, secara tidak langsung, JAIN berperanan dalam pengurusan SAR. Hal ini juga bersesuaian dengan fungsi JAIN iaitu menjaga hal ehwal agama dan bertanggungjawab dalam usaha membangunkan Islam di negeri masing-masing. Pengurusan SAR di JAIN biasanya diletakkan di bawah bahagian/unit pendidikan. Walau bagaimanapun, terdapat JAIN yang mengkategorikan SAR sebagai Sekolah Agama Swasta (SAS). Oleh itu, data SAR dan SAS digabungkan menjadi satu jenis sekolah iaitu SAS.

Di samping itu, sebahagian JAIN juga menjadi saluran bagi Pihak Berkuasa Agama Negeri menyalurkan dana bantuan kepada SAR. Mereka bertanggungjawab menguruskan data dan maklumat tentang SAR bagi memudahkan Kerajaan Negeri (KN) mengagihkan bantuan kepada SAR yang berdaftar. Dana bantuan kewangan diberi sama ada dalam bentuk bantuan *one-off* atau dalam bentuk bantuan perkapita. Terdapat juga bantuan dalam bentuk pembangunan prasarana dan buku teks.

Sebahagian JAIN juga turut menguruskan latihan guru-guru SAR bagi tujuan membantu guru-guru SAR yang tidak memiliki latihan ikhtisas mendapatkan ilmu dan kemahiran pengajaran. Antara latihan-latihan yang dianjurkan oleh JAIN ialah Kursus Asas Pendidikan serta Pengajaran dan Pembelajaran, Kursus Sukatan I'dadi/Thanawi, Kursus Lompatan Saujana, Kursus Kepimpinan Pendidikan, Kursus Pengurusan Disiplin dan pelbagai lagi.<sup>24</sup>

Jadual 1 di bawah memperlihatkan bagaimana Jabatan Agama Islam Negeri berfungsi dalam pengawalan dan pemantauan ke atas SAR di setiap negeri di Malaysia;

Bil	Negeri	JAIN	Bahagian	Fungsi
1	Selangor	Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)	Bahagian Pendidikan Islam	Pendaftaran Pemantauan
2	Kuala Lumpur	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	Bahagian Pelajaran	Pendaftaran Pemantauan

<sup>22</sup> Abu Bakar Abdullah, Pengerusi, Lembaga Pengelola Sekolah, Maahad Tahfiz dan Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring. Temubual pada 25 September 2013.

<sup>23</sup> Tuan Haji Azamuddin Bin Alang, Mudir Madrasah al-Aminiah, Permatang Pauh, Pulau Pinang. Temu bual pada 24 April 2014.

<sup>24</sup> Mohamad Nasar Bin Kurdi. Ketua Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Perak. Temubual pada 10 September 2013. Rujuk juga dalam Dokumentasi Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak: Analisis Kursus/Latihan Guru Sekolah Agama Perak 2013.

3	Johor	Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ)	Bahagian Pendidikan Agama	Pendaftaran Pemantauan
4	Negeri Sembilan	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)	Bahagian Pelajaran	Pendaftaran Pemantauan
5	Pahang	Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)	Bahagian Pendidikan	Pendaftaran Pemantauan Pengurusan Bantuan Latihan guru
6	Melaka	Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)	Bahagian Pendidikan	Pendaftaran Pemantauan
7	Perak	Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk)	Bahagian Pendidikan	Pendaftaran Pemantauan Pengurusan Bantuan Latihan guru
8	Kedah	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah	Bahagian Pendidikan	Pendaftaran Pemantauan
9	Terengganu	Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu (JHEAT)	Bahagian Pendidikan	Pendaftaran Pemantauan Pengurusan Bantuan
10	Pulau Pinang	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)	Bahagian Pendidikan	Pendaftaran Pemantauan
11	Perlis	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPS)	Bahagian Pendidikan	Pendaftaran Pemantauan
12	Sabah	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)	Bahagian Pendidikan	Pendaftaran Pemantauan
13	Sarawak	Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)	Bahagian Pengukuhan Pendidikan Islam	Pendaftaran Pemantauan

Jadual 1: Pengurusan Pengawalan SAR di Setiap Negeri

Jadual 1 di atas menjelaskan fungsi setiap JAIN yang bertanggungjawab ke atas pengurusan SAR dan fungsi masing-masing dalam membantu kemajuan dan perkembangan SAR di negeri masing-masing. Dari Jadual 1 di atas, hanya JAIP<sup>25</sup> dan JAIPk<sup>26</sup> sahaja melaksanakan latihan untuk guru-guru SAR dan menguruskan bantuan kepada SAR, manakala JHEAT hanya menguruskan bantuan setelah bergabung dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) yang berkuatkuasa pada tahun 2014<sup>27</sup>. JAIN bagi negeri-negeri lain hanya menguruskan pendaftaran dan pemantauan sahaja ke atas SAR. Di Sabah dan di Sarawak, hanya terdapat SAR KAFA sahaja. Hal ni diakui oleh Pengarah, Bahagian Pendidikan bahawa Sabah amat kekurangan sekolah agama dan amat mengalu-alukan mana-mana kumpulan yang hendak membuka SAR menengah.<sup>28</sup>

#### a) Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

Selain daripada JAIN, terdapat sebahagian Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang turut terlibat dalam pemantauan SAR. JPN yang terbabit berfungsi hanya sebagai pengurus maklumat dan data SAR yang berdaftar dengan JAIN bagi tujuan menyalurkan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan atau buku teks bagi pihak KPM.

<sup>25</sup> Ustaz Lebai Idris bin Ali, Pegawai Khas, Jabatan Agama Islam Pahang, Temubual pada 21 Oktober 2013.

<sup>26</sup> Musanif Bin Muhammad Noh, Penolong Pengarah, Unit Agama/Tahfiz, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak, Temubual pada 11 September 2013.

<sup>27</sup> Ustaz Suhairulmizam bin Ghazali, Ketua Unit Bahasa Arab, Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu, Temubual pada 26 September 2013.

<sup>28</sup> Tuan Haji Saif @ Shaifuddin Bin Hj Daud, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah, Temubual pada 9 November 2013.

**b) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)**

MAIN pula berfungsi sebagai institusi yang bertanggungjawab menyalurkan bantuan kepada SAR. Sumber bantuan adalah daripada dana zakat negeri. Bantuan disalurkan berdasarkan permohonan yang diajukan oleh pihak SAR kepada pihak MAIN dan kadar bantuan adalah berbeza mengikut negeri dan SAR itu sendiri.<sup>29</sup>

Namun, bagi negeri Kelantan, bahagian pendaftaran dan pemantauan sekolah agama diletakkan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Menurut Enakmen 4 Tahun 1994, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, bahagian V, Jaminan Dan Kawalan Terhadap Agama Islam dalam Seksyen 96 mengatakan *pendaftaran dan pengawalan sekolah-sekolah agama dan institusi-institusi pengajian agama. (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa mendaftar dan mengawal sekolah-sekolah agama dan institusi-institusi pengajian agama di Negeri ini. (2) Majlis boleh mengecualikan mana-mana sekolah agama dan institusi pengajian agama daripada pendaftaran dan pengawalan di bawah subseksyen (1).*<sup>30</sup>

Bagi negeri Perlis pula, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) hanya mempunyai kuasa untuk mendaftarkan sekolah-sekolah Agama Islam di Negeri Perlis. Hal ini dinyatakan dalam Enakmen 4 Tahun 2006, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Bahagian X-Pendidikan Agama Islam, Seksyen 120. Sekolah agama Islam, yang menyatakan *tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988 [En. Ps. 5/1989], Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftarkan sekolah-sekolah Agama Islam di Negeri Perlis.*<sup>31</sup> Namun, pengurusan pemantauan masih di bawah kuasa Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1988.<sup>32</sup>

**c) Yayasan Kerajaan Negeri**

Bagi sesetengah negeri, pengurusan SAR diletakkan di bawah Yayasan Kerajaan Negeri. Satu-satunya negeri yang menggunakan Yayasan untuk menguruskan SAR ialah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Menurut Wan Roslan (2013), YIK asalnya ditubuhkan pada 1 Januari 1974 sebagai sebuah agensi kerajaan Negeri Kelantan yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan Islam dan pengajian bahasa Arab dalam kalangan penduduk negeri. YIK telah melalui pelbagai sejarah dalam membangunkan pendidikan Islam di Kelantan. Pernah dikenali sebagai Jabatan Sekolah-sekolah Agama (JASA) pada 1974 dan kemudian berada di bawah Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) pada 1978. Kemudian, pada 1 Mac 1983 YPINK dipinda dengan dinamakan sebagai Yayasan Islam Kelantan (YIK).<sup>33</sup>

YIK bertanggungjawab mentadbir dan mengurus berkaitan:

- i. Sekolah-sekolah Menengah Agama/ Arab seluruh Negeri Kelantan.
- ii. Pusat Bahasa Arab Nilam Puri.
- iii. Pusat Pengajian Pondok, Telong Kandis, Bachok.
- iv. Tadika Tengku Anis, Kampung Sireh, Kota Bharu.
- v. Kewangan untuk pengurusan dan pembangunan.

Di negeri-negeri lain tiada satupun yayasan yang mengurus sekolah. Namun penubuhan Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS), di bawah kerajaan negeri Selangor telah menyalurkan dana sokongan kepada institusi pendidikan di negeri Selangor dalam pembangunan modal insan dan kemajuan ekonomi di samping meneruskan bantuan dari kerajaan negeri dan Jabatan Agama Islam Selangor. YAPIS juga berfungsi sebagai sebuah badan yang akan membela nasib SAR, Maahad Tahfiz dan sekolah pondok di seluruh negeri Selangor<sup>34</sup>. Oleh itu, kewujudan YAPIS di Selangor bukan menguruskan SAR tetapi hanya sebagai membantu dari aspek bantuan dana sokongan dan pembangunan modal insan.

**d) Penglibatan Badan-badan bukan kerajaan (NGO)**

Pengurusan sekolah di bawah NGO tidak digolongkan sebagai SAR tetapi sebagai sekolah swasta (SAS). Hal ini kerana, pengurusannya dilantik oleh NGO yang ditubuhkan dan tertakluk kepada peraturan NGO. Guru-guru dan pihak pengurusan sekolah dilantik oleh NGO berkenaan. Contohnya NGO MUSLEH<sup>35</sup> yang menubuhkan pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah Islam berserta kurikulumnya sendiri. Namun, terdapat dua

<sup>29</sup> Musanif Bin Muhammad Noh, Temubual pada 11 September 2013.

<sup>30</sup> Enakmen 4 Tahun 1994, Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Bahagian V – Jaminan Dan Kawalan Terhadap Agama Islam, Seksyen 96, rujuk dalam <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/dokumentasi/enakmen-maik.html>

<sup>31</sup> Enakmen 4 Tahun 2006, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Bahagian X-Pendidikan Agama Islam, Seksyen 120. Sekolah Agama Islam, Tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988 [En. Ps. 5/1989], Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftarkan sekolah-sekolah Agama Islam di Negeri Perlis.

<sup>32</sup> Rujuk <https://www.perlis.gov.my/jaips/index.php/ms/profil-jabatan/pendidikan> diakses pada 30 Mac 2018.

<sup>33</sup> Wan Roslan bin Wan Hamat, Mantan Ketua Unit Sekolah, Yayasan Islam Kelantan, Temubual pada 26 Jun 2014.

<sup>34</sup> Selangorku. (15 April 2013). *Buletin 13*. <http://www.selangorku.com/?p=25827>.

<sup>35</sup> Megat Mohamed Amin Megat Mohd Nor, Pengerusi MUSLEH, Temubual pada 23 Jun 2014.

NGO yang bergerak secara langsung secara aktif dalam usaha menyelaraskan, memperkasa, menyatukan dan membela nasib SAR iaitu di Perak dan di Kedah;

### i. Pertubuhan Pendokong Sekolah Agama Rakyat (PPSR)

PPSR menggabungkan 15 buah SAR di Perak dan ahli-ahlinya terdiri dari kalangan guru-guru SAR negeri Perak. Ditubuhkan pada tahun 1994 dan merupakan pertubuhan yang aktif bergerak dalam pendidikan Islam dan mempertahankan sistem pendidikan SAR di Perak. Sistem pendidikan SAR yang dimaksudkan meliputi sistem persekolahan sekolah rendah agama rakyat (SRAR), sistem persekolahan sekolah rendah agama sepenuh masa, sistem persekolahan sekolah menengah agama rakyat (SMAR) dan sistem pengajian pondok tradisional serta pengajian tafhib.

Menurut Encik Agus (2013), antara matlamat PPSR dalam memperjuangkan sekolah agama adalah untuk menyatukan Pentadbir Hal Ehwal Agama Islam Perak, Pentadbir Sekolah-Sekolah Agama Rakyat, guru-guru dan kakitangan sekolah-sekolah agama rakyat di Negeri Perak dalam sebuah persatuan yang berperlembagaan. Selain daripada itu, PPSR juga berusaha membantu menjayakan dasar Pendidikan Islam dan pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum dan memperjuangkan kebajikan sekolah agama rakyat.<sup>36</sup>

### ii. Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA), Kedah

HESA telah ditubuhkan pada 2 April 2008 sebagai Jawatankuasa yang berperanan sebagai pengurus kebajikan dan penghubung di antara pentadbir sekolah agama yang tidak berdaftar dan tidak menerima sebarang bantuan daripada Kerajaan Negeri Kedah. HESA secara rasmi telah berdaftar pada 2 Jun 2010 sebagai sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) melalui Ikatan Amanah. Kemudian telah mendapat kelulusan pendaftar pertubuhan (ROS) pada 20 Disember 2011. Penubuhannya membawa misi untuk menyatupadu dan menjaga kebajikan sekolah/ institusi pendidikan Agama yang berdaftar di bawah HESA sama ada dari sudut Pengurusan Pentadbiran, Kewangan, Sumber Manusia dan Pembangunan Insan.<sup>37</sup>

Menurut Timbalan Pengurusnya, Encik Mohamad bin Ismail (2013),<sup>38</sup> objektif penubuhan HESA adalah untuk menghimpunkan sekolah/ institusi pendidikan agama di Negeri Kedah bagi mengeratkan silaturahim antara satu sama lain, menganjurkan sebarang aktiviti kebajikan, sukan, kesenian, kursus, seminar kepada pentadbir, guru dan pelajar sekolah/ institusi pendidikan agama di negeri Kedah, menjadi tempat rujukan/ aduan kepada sebarang permasalahan yang dihadapi oleh sekolah/ institusi pendidikan agama memantau perkembangan dan keperluan semasa semua sekolah/ institusi pendidikan agama yang bernaung di bawahnya, dan mengusahakan sumbangan dan dana kepada semua sekolah/ institusi pendidikan agama yang bernaung di bawahnya.

Setakat ini, institusi yang berdaftar di bawah HESA adalah sebanyak 71 buah yang terdiri daripada sekolah rendah Islam, sekolah menengah Islam, maahad tafhib, sekolah pondok, pondok *umumi*, sekolah pemulihan dan sekolah integrasi.

### e) Lembaga Pengelola Sekolah

SAR merupakan institusi pendidikan Islam yang memainkan peranan penting dalam usaha melahirkan modal insan negara. Keberadaan SAR dalam lipatan sejarah negara sejak sebelum merdeka lagi merupakan penyumbang kepada keutuhan dan pengisian dalam mempertahankan agama Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia. Berdasarkan definisi sekolah agama oleh pihak KPM, SAR merupakan sekolah agama yang ditubuh oleh masyarakat setempat dan tapak sekolah adalah berstatus wakaf yang didaftarkan di bawah MAIN. SAR ditadbir sepenuhnya oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) atau sesetengah sekolah dikenali sebagai Jemaah Pengelola Sekolah (JPS). Ini bermaksud, sebarang keputusan sama ada pengambilan guru, pengambilan pelajar, penentuan jenis kurikulum, dan pelbagai bentuk pengurusan adalah dibuat oleh pihak LPS/JPS.

### i. Pengambilan guru SAR

Pengambilan guru SAR adalah ditentukan oleh pihak LPS/JPS. Guru yang berkelayakan sekurang-kurangnya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi guru sekolah rendah dan bagi guru sekolah menengah sekurang-kurangnya memiliki Diploma berkaitan atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau Ijazah Sarjana Muda.

<sup>36</sup> Agus Lokman bin Sulam, Temubual pada 10 September 2013.

<sup>37</sup> Ahmad Bin Yahaya Pengurusi HESA, Yan, Kedah, Temubual pada 6 Julai 2013.

<sup>38</sup> Mohamad Bin Ismail, Temubual pada 6 Julai 2013.

Berkaitan penggajian, bagi guru SAR yang terlibat dengan Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA) atau lebih dikenali sebagai guru SAR KAFA, Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM telah menetapkan elaun sebanyak RM800 sebulan kepada setiap guru. Namun begitu, ada sesetengah negeri memberi penambahan elaun kepada guru-guru SAR KAFA.<sup>39</sup> Contohnya di Selangor, JAIS telah menambah RM200.00 sebulan kepada guru SAR KAFA.<sup>40</sup>

Menurut mudir-mudir SAR pula, secara umumnya sumber kewangan untuk penggajian guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah daripada yuran pelajar dan sumbangan dari orang ramai atau syarikat-syarikat yang bermurah hati atau dari sumber zakat. Kadar gaji pula ditentukan oleh pihak LPS/JPS mengikut kemampuan SAR. Kebanyakan sekolah menetapkan gaji guru bersesuaian dengan taraf pendidikan walaupun masih berada dalam pendapatan di bawah paras kemiskinan<sup>41</sup>. Menurut Luqman Hakim (2013), Sekolah Menengah Agama al-Taqwa, Perak telah menawarkan gaji antara RM300 hingga RM 800 sahaja mengikut kelulusan sama ada Ijazah, Diploma, STAM mahupun yang memiliki STPM.<sup>42</sup> YIK, di Kelantan pula telah menawarkan elaun guru SAR antara RM 700 hingga RM1700.00 mengikut kelulusan masing-masing.<sup>43</sup>

Sebarang kenaikan gaji tahunan pula adalah bergantung pada kedudukan kewangan sekolah tersebut. Namun begitu, terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh pihak LPS untuk menentukan kadar setiap kenaikan gaji tahunan. Ada yang mengikut peratusan daripada nilai gaji pokok dan ada yang menggunakan kadar yang sama kepada semua guru dan ada yang hanya memberi bonus tahunan atau bonus hari raya sahaja. Kadar ini juga ditentukan mengikut keupayaan kewangan sekolah. Di negeri Terengganu, Maahad Darul Quran telah memberikan Bonus Hari Raya kepada guru-guru sekolah<sup>44</sup> manakala Maahad Tahfiz wa Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring telah membuka Kelab I'thar sebagai cara membantu guru-guru dan staf membuat simpanan untuk keperluan kebajikan mereka. Pihak sekolah akan menabung RM100.00 dalam Kelab I'thar untuk setiap staff mereka setiap bulan.<sup>45</sup>

### **ii. Pelaksanaan kurikulum pembelajaran**

Pelaksanaan kurikulum pembelajaran di SAR terbahagi kepada dua bentuk iaitu Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum Diniah. Kurikulum Kebangsaan adalah kurikulum yang diselaraskan oleh KPM atau dikenali sebagai Kurikulum Akademik manakala Kurikulum Diniah adalah kurikulum yang ditentukan pihak LPS sendiri yang terdiri daripada Kurikulum Diniy/Azhari, Turath/Ummumi, Tahfiz, dan Kurikulum Agama Fardhu Ain (KAFA). Sesetengah SAR hanya menawarkan Kurikulum Tahfiz sahaja dan sesetengahnya menawarkan Sistem Tahfiz dan Diniah sahaja. Namun, SAR yang mahu pelajarnya merentas arus perdana, turut menawarkan Kurikulum Akademik. Contohnya di Terengganu, Maahad Darul Quran memilih ketiga-tiga aliran iaitu Diniah, Tahfiz dan Akademik serentak<sup>46</sup> manakala Maahad Tahfiz wa Tarbiyah pula menawarkan dua kaedah sama ada pelajar memilih aliran tahfiz dan aliran diniah sahaja ataupun memilih tiga aliran sekaligus iaitu tahfiz, diniah dan akademik.<sup>47</sup>

### **iii. Sumber kewangan**

Sumber kewangan utama SAR adalah melalui yuran bulanan pelajar. Namun, atas inisiatif pihak LPS, sebahagian SAR, berusaha menuju ke syarikat perniagaan yang hasil keuntungan sedikit sebanyak dapat membantu perbelanjaan pengurusan sekolah seperti mengusahakan pertanian, koperasi, perniagaan runcit dan sebagainya. Contohnya Di Terengganu, Maahad Tahfiz wa Tarbiyyah telah membuka pertanian timun secara kaedah fertigasi dan Rumah Perlindungan Hujan<sup>48</sup> manakala di Perak, Sekolah Menengah al Hidayah telah menuju ke koperasi untuk menambah pendapatan sekolah.<sup>49</sup> Selain daripada itu, dana dari sumbangan luar seperti sumbangan peribadi atau syarikat turut diperolehi, di samping bantuan yang diperolehi daripada agensi kerajaan seperti

<sup>39</sup> Azizan Muhammad, Temubual pada 9 September 2013.

<sup>40</sup> Mohd Kamal, B. Radiman, Penolong Pengarah Kanan, Unit Perhubungan, KAFA Integrasi dan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam Selangor, Temubual pada 18 September 2014.

<sup>41</sup> Di Malaysia pengukuran kemiskinan adalah berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dibahagikan kepada dua iaitu PGK makanan (mengambilkira pemakanan seimbang) dan PGK bukan makanan (pakaian, perumahan, pengangkutan dan perbelanjaan lain). Sesebuah isirumah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK makanan. PGK makanan yang ditetapkan setelah kajian semula yang menyeluruh pada tahun 2005 ialah RM415.00 sebulan sementara kemiskinan relatif pula didefinisikan sebagai berkemampuan memperoleh keperluan minimum terhadap aspek ekonomi, sosial, politik dan budaya bagi menikmati kehidupan yang boleh diterima di dalam sebuah masyarakat bandar. Berdasarkan PGK keseluruhan untuk bandar ialah RM687.00 sebulan. Rujuk Mohd Fadzil Abdul Rashid, Migrasi dan Kemiskinan Bandar: Suatu Kajian Literatur, Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekutuan & Masyarakat 2007, Pulau Pinang, 17 & 18 Januari 2007.

<sup>42</sup> Ustaz Luqman Hakim, Mudir SMAR al-Taqwa, Perak Temubual pada 11 September 2013.

<sup>43</sup> Ustaz Wan Roslan Wan Hamat, Mantan Ketua Unit Sekolah, YIK, Temubual pada 3 Julai 2013.

<sup>44</sup> Haji Yasin, Mudir Maahad Darul Quran, Terengganu Temubual pada 25 September 2013.

<sup>45</sup> Muzaahir Kamal, Mudir, Maahad Tahfiz wa Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring, Temubual pada 25 September 2013.

<sup>46</sup> Haji Yasin, Temubual pada 25 September 2013.

<sup>47</sup> Muzaahir Kamal, Mudir, Temubual pada 25 September 2013.

<sup>48</sup> Abu Bakar Abdullah, Temubual pada 26 September 2013.

<sup>49</sup> Muallim Zulkifli Bin Ahmad, Mudir, Sekolah Menengah Agama al-Hidayah, Ulu Kinta Perak, Temubual pada 11 September 2013.

JAKIM dan KPM, JAIN, MAIN dan Yayasan kerajaan Negeri memberi bantuan berdasarkan peruntukan negeri masing-masing. Menurut Musanif (2013), Di Perak, JAIPk hanya membantu dari aspek latihan guru sahaja tanpa melibatkan kewangan manakala MAIPk menyalurkan zakat kepada SAR yang memohon bantuan dengan syarat mendaftar di bawah JAIPk.<sup>50</sup>

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengurusan SAR di Malaysia memerlukan pemantauan yang lebih telus dari Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri. Sebarang kelemahan dan kekurangan bagi membolehkan pendaftaran dilakukan, Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri perlu membantu SAR terutama dari aspek pembangunan prasarana dan bangunan yang sering menjadi isu SAR di Malaysia tidak boleh didaftarkan.

Di samping itu juga, bantuan yang berterusan dari pihak kerajaan persekutuan terutama dari aspek pembangunan prasarana dan pembangunan guru amat diperlukan bagi memastikan kelangsungan SAR terus terbelia. Pengurusan yang lebih sistematik dan gabungan seluruh SAR di Malaysia di bawah satu institusi iaitu di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia diperlukan oleh SAR lantaran fungsi SAR itu sendiri yang berterusan membekalkan modal insan negara. Pelaksanaan SABK bagi mengatasi isu SAR bukanlah jalan terakhir kerana masih terdapat SAR yang bertahan untuk meneruskan perjuangannya.

**Penghargaan:** FRGS GRANT (FP039-2013A)

## Rujukan

Ahmad Kilani, (2010), *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Azrin Ab Majid (ed.), (2011), *Pendidikan Islam Malaysia: Membangun gagasan Baru* (Edisi 2), Selangor: Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

*Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)*, (2011), Peraturan-peraturan & Kaedah-kaedah Terpilih (hingga 1 Mac 2011), Petaling Jaya: International Law Book Services

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid dan Noorzahidah binti Mohd Zain, (2013), "Ustaz Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah: Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Kelantan," *Jurnal Al-Tamaddun*, Vol. 8, No. 2, 101-112.

Mohd Fadzil Abdul Rashid, (2007), Migrasi dan Kemiskinan Bandar: Suatu Kajian Literatur, Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekutuan & Masyarakat*, Pulau Pinang, 17 & 18 Januari 2007.

Mukhlis Abu Bakar (ed.), (2018), *Rethinking Madrasah Education in a Globalised World*, New York: Routledge.

Dokumentasi Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak: Analisis Kursus/Latihan Guru Sekolah Agama Perak 2013.

Perkara 3 (a)- (f) Fungsi Lembaga, *Peraturan Lepai*, Dokumen Sulit Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia, bertarikh 16 Mac 1983

Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 164/2009

## Temubual

Abu Bakar Abdullah, Pengerusi, Lembaga Pengelola Sekolah, Maahad Tahfiz dan Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring. Temubual pada 25 September 2013

Abu Bakar Abdullah, Pengerusi, Lembaga Pengelola Sekolah, Maahad Tahfiz wa Tarbiyyah Darul Iman, Temubual pada 26 September 2013

<sup>50</sup>Musanif Bin Muhammad Noh, Temubual pada 11 September 2013.

*Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia*

Agus Lokman Bin Sulam, Setiausaha, Pertubuhan Pendokong Sekolah Agama Rakyat.. Temubual pada 10 September 2013

Ahmad Bin Yahaya Pengerusi HESA, Yan, Kedah, Temubual pada 6 Julai 2013.

Azamuddin Bin Alang, Mudir Madrasah al-Aminiah, Permatang Pauh, Pulau Pinang. Temu bual pada 24 April 2014

Azizan Muhammad. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Temubual pada 9 September 2013

Encik Mohammad Bin Alias, Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan, temubual pada 26 Februari 2014

Haji Yasin, Mudir Maahad Darul Quran, Terengganu Temubual pada 25 September 2013

Lebai Idris bin Ali, Pegawai Khas, Jabatan Agama Islam Pahang, Temubual pada 21 Oktober 2013

Luqman Hakim, Mudir SMAR al-Taqwa, Perak Temubual pada 11 September 2013

Megat Mohamed Amin Megat Mohd Nor, Pengerusi MUSLEH, Temubual pada 23 Jun 2014.

Mohamad Bin Ismail, Timbalan Pengerusi, Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA), Temubual pada 6 Julai 2013

Mohamad Nasar Bin Kurdi. Ketua Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Perak. Temubual pada 10 September 2013.

Mohd Kamal, B. Radiman, Dr, Penolong Pengarah Kanan, Unit Perhubungan, KAFA Integrasi dan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam Selangor, Temubual pada 18 September 2014

Muallim Zulkifli Bin Ahmad, Mudir, Sekolah Menengah Agama al-Hidayah, Ulu Kinta Perak, Temubual pada 11 September 2013

Musanif Bin Muhammad Noh, Penolong Pengarah, Unit Agama/Tahfiz, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak. Temubual pada 11 September 2013

Muzaihar Kamal, Mudir, Maahad Tahfiz wa Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring, Temubual pada 25 September 2013

Saif @ Shaifuddin Bin Hj Daud, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah, Temubual pada 9 November 2013

Shamsul Shah Bin Tarjo, Ketua Sektor Kemajuan Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Cyberjaya, Temubual pada 9 September 2013.

Suhairulmizam bin Ghazali, Ketua Unit Bahasa Arab, Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu, Temubual pada 26 September 2013

Suliman B Haji Dumang, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Johor, temubual pada 15 April 2014

Wan Roslan bin Wan Hamat, Mantan Ketua Unit Sekolah, Yayasan Islam Kelantan, Temubual pada 26 Jun 2014

Wan Roslan Wan Hamat, Mantan Ketua Unit Sekolah, Yayasan Islam Kelantan, Temubual pada 3 Julai 2013

### **Rujukan atas Talian**

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Hal 28 – 29, dalam <http://www.polisas.edu.my/portal/images/stories/Mqa/Akta550.pdf> diakses pada 29 Mac 2018

Bahagian Iv - Pendaftaran Sekolah Islam, bertarikh 7 Julai 1988, rujuk dalam [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/8b283aed166fdcc44825702900282d74?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/8b283aed166fdcc44825702900282d74?OpenDocument)

Enakmen 4 Tahun 1994, Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Bahagian V – Jaminan Dan Kawalan Terhadap Agama Islam, Seksyen 96, rujuk dalam <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/dokumentasi/enakmen-maik.html>

Enakmen 4 Tahun 2006, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Bahagian X-Pendidikan Agama Islam, Seksyen 120. Sekolah Agama Islam, Tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988 [En. Ps. 5/1989], Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftarkan sekolah-sekolah Agama Islam di Negeri Perlis. <https://www.perlis.gov.my/jaips/index.php/ms/profil-jabatan/pendidikan> diakses pada 30 Mac 2018

Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia (BPI) : [www.bpi.edu.my/index.php/info-bpi/fungsi-utama?tmpl=component&print=1&page](http://www.bpi.edu.my/index.php/info-bpi/fungsi-utama?tmpl=component&print=1&page) (24/09/2013).

Seksyen 12 (2), Negeri Sembilan, Enakmen 6 Tahun 1996, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996, Bahagian Iv - Pendaftaran Sekolah Islam, bertarikh 12 November 1998. Rujuk dalam [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/9ed14112d7d26bd34825703100287c37?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/9ed14112d7d26bd34825703100287c37?OpenDocument), diakses pada 30 Mac 2018, juga boleh rujuk Seksyen 12 (2) Negeri Selangor, Enakmen 2 Tahun 1988, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988,

Selangorku. (15 April 2013). *Buletin 13.* <http://www.selangorku..com/?p=25827>

Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan, Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 164/2009, hal. 20 dalam <http://www.kptg.gov.my/sites/default/files/article/perlembagaanperseku.pdf> diakses pada 30 Mac 2018